

Pengurusan Pampasan & Kecederaan Pekerja: Panduan Untuk Pekerja

Diterbitkan pada September 2012

Jika bahasa utama anda bukan bahasa Inggeris, anda masih boleh mendapatkan maklumat yang terkini mengenai sistem pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja ini. Untuk mendapatkan maklumat tentang khidmat jurubahasa ataupun untuk mendapatkan terjemahan terbitan-terbitan lain, sila hubungi Perkhidmatan Nasihat WorkCover WA melalui talian 1300 794 744 atau layarilah

www.workcover.wa.gov.au/translations

Perihal WorkCover WA

WorkCover WA ialah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyelia skim pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja di Western Australia.

Ini merangkumi tugas memantau kepatuhan kepada Akta Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981, memaklumkan dan mendidik pekerja, majikan dan pihak-pihak lain tentang pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja, dan menyediakan sistem penyelesaian pertikaian yang bebas

Penolak Tuntutan

Penerbitan ini mengandungi maklumat tentang pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja. Terbitan ini bertujuan menyediakan maklumat am sahaja. Jangan bertindak atau tidak bertindak berdasarkan apa-apa yang terkandung di dalam brosur ini. Brosur ini perlu dibaca sehubungan dengan Akta *Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981*. Anda harus mendapatkan nasihat undang-undang/profesional yang sewajarnya mengenai keadaan anda secara khusus.

© 2012 WorkCover Western Australia Hak cipta terpelihara

WorkCover WA

2 Bedbrook Place

Shenton Park WA 6008

Telefon: (08) 9388 5555

Faks: (08) 9388 5550

Unit Nasihat Dan Bantuan: 1300 794 744

TTY (cacat pendengaran): (08) 9388 5537

E-mel: postmaster@workcover.wa.gov.au

Laman Web: www.workcover.wa.gov.au

Anda dan pampasan pekerja

Kecederaan semasa bekerja boleh meninggalkan kesan yang besar terhadap kehidupan peribadi dan profesional anda. Undang-undang pampasan pekerja di WA bertujuan mengurangkan kesan kecederaan yang berlaku di tempat kerja kepada tahap yang serendah-rendahnya dengan memastikan bahawa pekerja yang tercedera itu mendapat pampasan yang setimpal semasa mereka tidak boleh bekerja, dan dibantu apabila mereka kembali bekerja selepas mengalami kecederaan.

Panduan tentang pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja

Risalah ini menggunakan pendekatan tiga langkah untuk membantu pekerja yang tercedera memahami selok-belok sistem pampasan pekerja di WA, cara yang terbaik untuk mengendalikan tuntutan pampasan dan cara memastikan hasil yang terbaik diperoleh selepas mengalami kecederaan.

Maklumat dan sumber tambahan untuk pekerja dan majikan disediakan pada laman web WorkCover WA (www.workcover.wa.gov.au). Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA (Tel: 1300 794 744) juga boleh memberikan maklumat dan penjelasan selanjutnya mengenai topik-topik yang diliputi di dalam risalah ini.

Tiga Langkah Pengurusan Pampasan Pekerja Yang Berkesan

Langkah 1: Memahami Pampasan Pekerja	
Skim Pampasan Pekerja	4
1.1 Apakah pampasan pekerja?	4
1.2 Pampasan pekerja di WA	4
Tuntutan Pampasan Pekerja	5
1.3 Adakah saya layak menuntut pampasan pekerja?	5
1.4 Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan?	5
Hak Pekerja Mendapat Pampasan	6
1.5 Hak am	6
1.6 Pampasan bagi kecacatan kekal	8
1.7 Jenis-jenis pampasan yang lain	9
Langkah 2: Menguruskan Tuntutan Anda	
Proses Tuntutan	11
2.1 Membuat tuntutan	11
2.2 Penilaian tuntutan	12
2.3 Hasil tuntutan	13
Menerima Pampasan	14
2.4 Bayaran mingguan	14
2.5 Rawatan dan belanja perubatan	15
Menyelesaikan Tuntutan Anda	16
2.6 Penyelesaian berkanun	16
2.7 Tuntutan di bawah <i>common law</i>	17
Menyelesaikan Pertikaian	17
Langkah 3: Menguruskan Kecederaan Diri dan Kembali Bekerja	
Pengurusan Kecederaan	18
3.1 Peranan dan tanggungjawab	18
Kembali Bekerja	19
3.2 Mengekalkan pekerjaan anda	19
3.3 Kembali bekerja dengan tugas yang diubahsuaikan	19
Ringkasan Peranan Dan Tanggungjawab	20

Langkah 1

Memahami Pampasan Pekerja

Skim Pampasan Pekerja

1.1 Apakah pampasan pekerja?

Pampasan pekerja ialah sagu hati kewangan yang diberikan kepada pekerja yang tercedera atau yang jatuh sakit akibat kerja mereka, dan merangkumi pampasan untuk menampung kehilangan pendapatan, kecacatan kekal, belanja perubatan dan pemulihan di tempat kerja untuk membantu mereka kembali bekerja.

Mana-mana pekerja yang tercedera atau yang jatuh sakit akibat kerja dan memerlukan rawatan perubatan ataupun cuti tanpa bekerja berhak menuntut pampasan pekerja tanpa mengira siapa yang bersalah.

1.2 Pampasan pekerja di WA

Skim pampasan pekerja di Western Australia ditadbir oleh WorkCover WA selaras dengan *Akta Pengurusan Pampasan Dan Kecederaan Pekerja 1981* (Akta). Akta ini ada dua tujuan utama:

- memastikan bahawa kecederaan di tempat kerja diuruskan dengan cara yang membolehkan pekerja yang tercedera kembali bekerja dengan cepat dan selamat; dan
- memastikan bahawa pekerja yang tercedera diberi pampasan untuk kehilangan gaji, belanja perubatan dan kos-kos yang berkaitan dengannya semasa mereka tidak dapat bekerja.

1.2.1 Hak dan kewajipan di bawah Akta

Hak dan kewajipan majikan, pekerja dan pihak-pihak penting yang lain di dalam skim ini tertakrif di bawah Akta. Menurut undang-undang, majikan dikehendaki mendapatkan polisi insurans pampasan pekerja semasa yang meliputi semua pekerja mereka dan dikehendaki menyediakan sistem pengurusan kecederaan berdokumen bagi tempat kerja mereka. Majikan juga mesti memastikan bahawa jika berlaku sesuatu kecederaan, tuntutan pampasan pekerja diuruskan selaras dengan syarat-syarat yang digariskan di bawah Akta.

Pihak-pihak penting yang lain di bawah skim ini merangkumi penanggung insurans, doktor dan pakar pemulihan di tempat kerja. Setiap pihak melaksanakan peranan yang penting dalam proses pampasan pekerja ini, dan bekerja rapat dengan majikan dan pekerja untuk mengurangkan kesan kecederaan di tempat kerja terhadap semua pihak yang terjejas.

Insurans pampasan pekerja

Insurans pampasan pekerja melindungi pekerja dan majikan mereka daripada kesan kewangan akibat kecederaan yang berkait dengan kerja dengan memberikan pampasan untuk kos dan belanja yang timbul daripada tuntutan pampasan pekerja. Seandainya berlaku kecederaan, majikan akan berhubung dengan penanggung insuransnya tentang penilaian dan pengurusan tuntutan pampasan pekerja. Walau bagaimanapun, ada kalanya pekerja yang tercedera akan berurusan terus dengan penanggung insurans, umpamanya tentang pemeriksaan perubatan ataupun pembayaran belanja perubatan.

1.3 Adakah saya layak menuntut pampasan pekerja?

Anda berhak menuntut pampasan pekerja jika anda tercedera semasa bekerja, dan anda ditakrifkan di bawah undang-undang sebagai pekerja. Definisi pekerja di bawah seksyen 5 Akta merangkumi:

- pekerja sepenuh masa yang dibayar upah atau gaji
- pekerja separuh masa, pekerja sambilan dan pekerja musiman
- pekerja yang dibayar komisen
- pekerja yang dibayar mengikut masa

dan dalam setengah keadaan:

- kontraktor dan subkontraktor
- pengarah yang bekerja

Penting

Jika anda kurang pasti sama ada syarat pekerjaan anda melayakkan anda mendapat pampasan pekerja, sila hubungi Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA untuk memohon panduan (Tel: 1300 794 744).

1.4 Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan?

Untuk membuat tuntutan pampasan pekerja, pengamal perubatan perlu mengesahkan dahulu bahawa punca kecederaan anda bersabit dengan kerja. Jika doktor yang merawat anda menentukan bahawa kecederaan anda bersabit dengan kerja, beliau akan mengeluarkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor Untuk Tujuan Pampasan Pekerja, yang menggariskan jenis dan keterukan kecederaan anda, kemampuan anda bekerja, dan larangan kerja akibat kecederaan tersebut. Anda dan majikan anda juga perlu mengisi Borang Tuntutan Pampasan Pekerja, yang akan menyediakan butir-butir tentang tempat dan waktu kecederaan itu berlaku, keadaan semasa berlakunya kecederaan tersebut dan faktor-faktor yang berkenaan

dengannya. Kedua-dua dokumen tersebut hendaklah diserahkan kepada penanggung insurans majikan, yang akan menggunakan maklumat yang diberikan itu untuk menilai kelayakan anda mendapat pampasan pekerja. Proses tuntutan ini, termasuk maklumat terperinci tentang cara memulakan, menguruskan dan menyelesaikan tuntutan anda, digariskan di dalam *Langkah 2: Menguruskan Tuntutan Anda* (muka surat 11-17).

Hak Pekerja Mendapat Pampasan

Jika tuntutan anda diterima, anda mungkin layak menerima bayaran sebagai pampasan untuk kehilangan pendapatan, belanja perubatan, pemulihan vokasional, belanja perjalanan dan kecacatan kekal (jika berkenaan).

Amaun Yang Ditetapkan

Had dikenakan bagi amaun atau nilai keseluruhan pampasan yang boleh anda terima bagi setiap hak sepanjang jangka masa tuntutan anda. Amaun maksimum diselaraskan setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Buruh Biro Statistik Australia (ABS). Untuk mengetahui amaun semasa, hubungilah penanggung insurans majikan anda atau sila rujuk kepada jadual Amaun Yang Ditetapkan pada laman web WorkCover WA.

1.5 Hak-hak am

Kehilangan pendapatan

Pembayaran pampasan untuk kehilangan pendapatan disebut bayaran mingguan. Walau bagaimanapun, pembayaran mungkin dibuat setiap minggu, dua minggu sekali ataupun setiap bulan, bergantung pada cara anda biasanya dibayar. Amaun pampasan yang anda terima melalui bayaran mingguan itu berbeza mengikut keadaan, iaitu sama ada anda bekerja sepenuh masa, separuh masa ataupun secara sambilan, dan sama ada anda bekerja di bawah award perindustrian ataupun tidak (rujuk kepada jadual pada muka surat yang berikut). Sebaik-baiknya, tanyalah majikan anda atau kesatuan sekerja anda tentang syarat-syarat pekerjaan anda jika anda tidak pasti.

Tanpa mengira syarat-syarat pekerjaan anda atau syarat-syarat award anda, amaun bayaran mingguan dihadkan kepada dua kali ganda nilai purata pendapatan mingguan seseorang dewasa di WA. Angka-angka ini juga boleh didapati daripada laman web WorkCover WA.

Bayaran Mingguan

Bagi pekerja di bawah award perindustrian

Selama 13 minggu pertama, anda akan menerima:

- kadar bayaran mingguan pampasan pekerja yang perlu dibayar di bawah award perindustrian anda; ditambah
- award lebihan atau bayaran perkhidmatan, jika ada, yang dibayar kepada anda secara tetap; ditambah
- bayaran lebih masa dan bonus atau elaun, jika ada. (Bayaran lebih masa dan bonus atau elaun ialah purata pendapatan sepanjang tempoh 13 minggu sehingga waktu berlakunya ketidakupayaan).

Dari minggu 14 dan seterusnya, anda akan menerima:

- kadar bayaran mingguan pampasan pekerja yang perlu dibayar di bawah award perindustrian anda; ditambah
- award lebihan atau bayaran perkhidmatan, jika ada, yang dibayar kepada anda secara tetap; ditambah
- elaun, jika ada, yang dibayar secara tetap dan berkait dengan bilangan jam kerja dan pola waktu kerja; ditambah
- elaun-elaun lain, jika ada, yang ditetapkan oleh peraturan. (Bayaran lebih masa, bonus dan elaun-elaun yang lain dikecualikan).

Bagi pekerja yang bukan di bawah award perindustrian

Selama 13 minggu pertama, anda akan menerima:

- amaun purata bayaran (termasuk bayaran lebih masa, bonus atau elaun) yang dibayar kepada anda sepanjang tempoh setahun sebelum anda tercedera (semasa menjawat pekerjaan yang dilakukan semasa anda tercedera). Jika belum sampai setahun anda bekerja, pendapatan anda akan dipuratakan bagi tempoh anda bekerja.

Dari minggu 14 dan seterusnya:

- bayaran mingguan anda akan dikurangkan kepada 85% hak anda.

Belanja perubatan

Belanja perubatan yang boleh anda tuntutan di bawah pampasan pekerja merangkumi:

- pertolongan cemas dan ambulans
- ubat-ubatan
- rawatan perubatan atau pembedahan
- rawatan oleh pakar

- pergigian
- fisioterapi
- kiropraktik
- rawatan di hospital
- rawatan-rawatan lain (termasuk osteopati, psikologi klinikal, terapi pekerjaan, patologi pertuturan dan program berasaskan senaman)

Jika anda memerlukan rawatan perubatan selanjutnya setelah mencapai had yang ditetapkan bagi belanja perubatan, anda boleh memohon kepada WorkCover WA untuk meninggikan bayaran yang berhak anda terima. Keadaan sosial dan kewangan anda akan diambil kira untuk menentukan kelayakan anda.

Penting

Penanggung insurans majikan anda hanya dikehendaki membayar belanja perubatan yang berpatutan sahaja setakat kadar bagi pemberi khidmat perubatan dan kesihatan bersekutu yang ditetapkan oleh WorkCover WA. Anda harus menyemak bayaran yang dikenakan oleh pemberi khidmat perubatan anda sebelum memulakan rawatan kerana anda bertanggungjawab menanggung amaun lebihan atau perbezaan yang ada antara bayaran yang dikenakan dengan kadar yang ditetapkan. Kadar semasa diterbitkan pada laman web WorkCover WA.

Belanja pemulihan di tempat kerja

Anda berhak menuntut bayaran untuk menampung kos perkhidmatan pemulihan di tempat kerja jika anda memerlukan bantuan untuk terus bekerja ataupun kembali bekerja setelah tercedera. Maklumat selanjutnya mengenai pemulihan di tempat kerja digariskan di bawah *Langkah 3: Menguruskan Kecederaan Diri Dan Kembali Bekerja* (muka surat 18-20).

Belanja perjalanan dan belanja-belanja lain

Anda boleh menuntut bayaran ganti bagi belanja perjalanan yang berpatutan yang berkait dengan perjalanan ulang-alik anda ke pusat rawatan pemulihan dan perubatan. Jika anda tinggal di kawasan *regional*, bayaran yang berhak anda terima ini boleh merangkumi belanja makan minum dan penginapan yang berkait dengannya, jika berpatutan. Anda harus menyimpan rekod dan resit semua perbelanjaan untuk memastikan anda mendapat bayaran ganti dengan segera. Kadar dan bayaran bagi belanja perjalanan ditetapkan oleh WorkCover WA dan boleh dirujuk pada laman web WorkCover WA.

1.6 Pampasan bagi kecacatan kekal

Selain manfaat berkanun yang digariskan tadi, pelbagai manfaat yang lain, termasuk bayaran pampasan pukal, disediakan untuk pekerja yang mengalami kecacatan fizikal ataupun psikologi yang kekal akibat kecederaan yang bersabit dengan kerja. Kelayakan menerima pampasan, termasuk jumlah keseluruhan yang boleh dituntut, didasarkan pada penilaian kecacatan kekal seluruh badan pekerja (diungkapkan sebagai peratusan) oleh Pakar Perubatan Yang Diluluskan.

Pakar Perubatan Yang Diluluskan

Pakar Perubatan Yang Diluluskan ialah pengamal perubatan pakar yang ditauliahkan oleh WorkCover WA untuk menilai tahap kecacatan kekal seluruh badan yang disebabkan oleh kecederaan yang bersabit dengan kerja. Penilaian kecacatan seluruh badan biasanya dilakukan hanya apabila keadaan pekerja yang berkenaan itu sudah menjadi stabil dan tidak mungkin akan berubah. Anda berhak memilih Pakar Perubatan Yang Diluluskan sendiri untuk membuat penilaian. Daftar Pakar Perubatan Yang Diluluskan, termasuklah butir-butir perhubungan mereka, disediakan pada laman web WorkCover WA.

Bayaran perubatan dalam keadaan luar biasa

Jika anda dinilai sebagai mengalami kecacatan kekal seluruh badan sebanyak 15% peratus atau lebih, anda boleh menuntut amaun tambahan sehingga \$250,000 untuk menampung bayaran perubatan dalam keadaan luar biasa. Amaun ini adalah sebagai tambahan pada bayaran perubatan berkanun yang berhak anda terima. Anda harus maklum bahawa jika anda menerima bayaran ini, anda dengan sendirinya mengetepikan hak menuntut ganti rugi di bawah *common law*.

Program latihan semula yang khusus

Jika anda tidak dapat kembali melakukan pekerjaan yang anda lakukan sebelum anda tercedera disebabkan jenis dan keterukan kecederaan anda, anda boleh menuntut bayaran untuk membiayai latihan vokasional atau pendidikan tinggi dalam bidang alternatif atau dalam jurusan pengajian yang lain. Supaya layak menjalani latihan semula yang khusus, anda mesti dinilai sebagai mempunyai kecacatan kekal seluruh badan antara 10% hingga 15%.

Penyelesaian

Bayaran pampasan pukal yang disebut penyelesaian Jadual 2 disediakan untuk pekerja yang mengalami kecacatan kekal akibat kecederaan. Amaun pampasan yang dibayar bergantung khususnya pada jenis dan peratusan kecacatan tersebut.

Common Law

Di samping pilihan penyelesaian yang disediakan melalui sistem pampasan berkanun untuk pekerja, anda mungkin layak membuat tuntutan ganti rugi terhadap majikan anda melalui mahkamah jika anda dinilai sebagai mempunyai kecacatan seluruh badan sebanyak 15% atau lebih, dan kecederaan anda disebabkan oleh kecuaiannya majikan anda.

1.7 Jenis-jenis pampasan yang lain

Hilang pendengaran akibat hingar

Jika anda terdedah kepada aras hingar 90dB(A) atau lebih pada sesuatu hari kerja biasa, iaitu selama 8 jam, majikan anda mestilah mengatur dan membiayai ujian pendengaran garis dasar yang harus anda jalani dalam tempoh 12 bulan selepas

anda memulakan pekerjaan. Sebagai panduan, 90dB(A) itu kira-kira sama dengan hingar daripada enjin trak berat yang hidup pada jarak satu meter. Ujian pendengaran garis dasar menentukan tahap pendengaran anda apabila anda memulakan pekerjaan baru. Selepas ujian ini, anda boleh memohon secara bertulis kepada majikan anda untuk menjalani ujian susulan setiap tahun.

Jika ujian yang seterusnya menunjukkan kehilangan pendengaran sebanyak 10% atau lebih, anda mungkin boleh menuntut pampasan untuk kehilangan pendengaran akibat hingar. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila rujuk kepada *Panduan Tentang Kehilangan Pendengaran Akibat Hingar* yang disediakan pada laman web WorkCover WA.

Perhatian: Pampasan tidak boleh dituntut untuk kehilangan pendengaran yang berlaku sebelum Mac 1991.

Penyakit yang bersabit dengan asbestos

Semua tuntutan pampasan yang berkait dengan pneumokoniosis, mesotelioma, kanser (barah) paru-paru atau fibrosis pleura berselerak akan dirujuk kepada Panel Perubatan Penyakit Perindustrian (IDMP) untuk ditentukan. Panel ini beroperasi secara bebas, manakala WorkCover WA menyediakan bantuan pentadbiran dan pembiayaan. Jika anda mengemukakan tuntutan pampasan untuk penyakit yang bersabit dengan asbestos, majikan anda diberi 14 hari untuk memaklumkan kepada WorkCover WA. WorkCover WA akan merujuk tuntutan tersebut kepada IDMP untuk ditentukan. Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA boleh memberikan maklumat selanjutnya tentang pampasan untuk penyakit perindustrian.

Pampasan jika berlaku kematian

Jika seseorang pekerja meninggal dunia, keluarga pekerja tersebut haruslah mendapatkan nasihat undang-undang dengan segera.

Langkah 2

Menguruskan Tuntutan Anda

Proses Tuntutan

2.1 Membuat tuntutan

Langkah-langkah yang berikut perlu diikuti jika berlaku kecederaan di tempat kerja:

1. Dapatkan pertolongan cemas dengan segera, dan laporkan kemalangan atau kecederaan anda mengikut dasar dan prosedur pelaporan kejadian yang ditetapkan oleh majikan anda
2. Aturkan janji temu dengan doktor pilihan anda secepat mungkin untuk mendapatkan rawatan dan penilaian bagi kecederaan anda
3. Minta doktor anda mengeluarkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor
4. Minta majikan anda memberikan Borang Tuntutan Pampasan Pekerja atau muat turun borang ini daripada laman web WorkCover WA
5. Isikan bahagian pekerja pada Borang Tuntutan dan pulangkan borang ini berserta Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada majikan anda. Simpan satu salinan kedua-dua dokumen sebagai rekod anda
6. Majikan anda perlu mengisi bahagian majikan pada Borang Tuntutan dan menghantarkan borang tersebut berserta Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada penanggung insuransnya dalam masa 5 hari kerja selepas menerima dokumen-dokumen ini daripada anda.

Salinan Borang Tuntutan dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor boleh didapati di www.workcover.wa.gov.au

Penting

- Anda mestilah membuat tuntutan anda secepat mungkin dalam masa 12 bulan selepas mengalami kecederaan.
- Simpan salinan surat akuan doktor dan Borang Tuntutan anda sebagai rekod dan rujukan anda jika diperlukan.
- Orang pertama yang perlu anda hubungi jika anda ingin bertanya mengenai tuntutan ialah pengurus atau penyelia anda di tempat kerja.

2.1.1 Janji temu perubatan anda yang pertama

Anda perlu membuat janji temu dengan doktor pilihan anda secepat mungkin selepas mengalami kecederaan. Semasa janji temu ini, doktor yang merawat anda akan menilai kecederaan anda dan mengeluarkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor jika beliau percaya bahawa kecederaan anda itu bersabit dengan kerja. Anda perlu memberi doktor anda semua maklumat yang berkenaan dengan kecederaan anda dan memastikan bahawa Surat Akuan Pertama Oleh Doktor diisi dengan

lengkap dan tepat, kerana maklumat yang diberikan oleh doktor anda pada surat ini mungkin besar kesannya terhadap hasil tuntutan anda. Surat Akuan Pertama Oleh Doktor perlu:

- menyatakan diagnosis yang objektif tentang kecederaan anda dan batasan yang disebabkan oleh kecederaan tersebut
- memperakui kesesuaian anda untuk bekerja dan apa-apa larangan terhadap tugas yang mampu anda lakukan; dan
- menggariskan rancangan bagi janji temu yang akan datang dan cadangan rawatan perubatan yang lain jika perlu.

Anda akan diminta menandatangani 'pemberian kuasa keizinan' pada Surat Akuan Pertama Oleh Doktor yang akan membenarkan doktor yang merawat anda membincangkan tuntutan dan kecederaan anda dengan majikan anda dan penanggung insuransnya. Jika pemberian kuasa ini tidak ditandatangani, pemprosesan tuntutan anda mungkin tertangguh.

2.2 Penilaian tuntutan

Selepas menerima dokumentasi tersebut, pengurus kes yang ditugaskan oleh penanggung insurans majikan anda mungkin akan menghubungi anda, majikan anda dan doktor yang merawat anda untuk mendapatkan maklumat selanjutnya dengan tujuan menentukan liabiliti anda dan hak anda mendapat bayaran. Penanggung insurans diberi masa 14 hari untuk memaklumkan keputusannya kepada anda dan majikan anda.

2.2.1 Semasa tuntutan anda dinilai

Belanja perubatan

Anda bertanggungjawab menanggung kos rawatan perubatan kecederaan anda sehingga keputusan berkenaan liabiliti dibuat oleh penanggung insurans majikan anda. Penting bahawa anda menyimpan semua resit pembayaran semasa tempoh ini. Kos-kos ini (selepas ditolak perbezaan yang ada) akan digantikan bayarannya kepada anda jika tuntutan anda diterima.

Bayaran cuti pilihan

Sementara menunggu keputusan tentang tuntutan anda, mungkin elok jika anda berbincang dengan majikan anda supaya cuti terakru anda, seperti cuti tahunan atau cuti sakit, dibayar kepada anda jika anda tidak dapat bekerja pada masa ini. Apabila mempertimbangkan pilihan ini, anda harus maklum bahawa:

- bayaran cuti bukanlah alternatif bagi pampasan pekerja
- bayaran cuti diterima secara sukarela semata-mata dan tidak akan menjejaskan hak anda mendapat pampasan pekerja dengan apa-apa cara sekalipun; dan

- hak mendapat cuti akan dikreditkan semula kepada anda jika tuntutan anda diterima.

2.3 Hasil tuntutan

Penanggung insurans majikan anda dikehendaki menyampaikan makluman bertulis kepada anda dan majikan anda dalam masa 14 hari tentang keputusan sama ada sesuatu tuntutan itu diterima, dipertikaikan ataupun masih belum diputuskan (belum selesai). Penanggung insurans akan memberikan nombor tuntutan yang perlu dinyatakan pada surat-menyurat yang berkaitan dengannya. Jika tiada jawapan diterima daripada penanggung insurans dalam masa 14 hari, anda atau majikan anda boleh membawa hal ini kepada WorkCover WA untuk menentukan liabiliti.

- **Diterima** – Pembayaran pampasan pekerja akan bermula.

Jika kecederaan anda menghalang anda bekerja, majikan anda mestilah mula membuat bayaran pengganti pendapatan (bayaran mingguan) sebaik sahaja diminta berbuat demikian oleh penanggung insuransnya.

- **Dipertikaikan** – Pampasan tidak akan dibayar.

Penanggung insurans akan memaklumkan sebabnya kepada anda dan majikan anda. Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan tersebut, anda boleh berjumpa dengan penanggung insurans untuk memohon agar kes anda dibicarakan mengikut prosedur penyelesaian pertikaian dalaman penanggung insurans. Anda juga boleh memohon Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan WorkCover WA untuk mendapatkan bantuan menyelesaikan pertikaian tersebut.

- **Keputusan Belum Dibuat** – Tuntutan ditahan dahulu sehingga maklumat selanjutnya diterima.

Penanggung insurans diberi 10 hari lagi untuk membuat keputusan atau tuntutan tersebut akan dianggap sebagai dipertikaikan, dan seterusnya anda atau majikan anda boleh mengemukakan permohonan kepada Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan untuk mendapatkan bantuan.

Proses Tuntutan – Peranan Dan Tanggungjawab Pekerja

- Mendapatkan pertolongan cemas
- Melaporkan kejadian
- Mendapatkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor daripada doktor pilihannya
- Mengisi bahagian pekerja pada Borang Tuntutan Pampasan Pekerja
- Menyerahkan Borang Tuntutan dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada majikan



Majikan

- Mengisi borang laporan majikan yang diberikan oleh penanggung insurans
- Mengisi bahagian majikan pada Borang Tuntutan
- Memberikan satu salinan Borang Tuntutan dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada pekerja yang berkenaan sebagai rekodnya
- Menghantar Borang Tuntutan dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada penanggung insurans dalam masa 5 hari kerja selepas tarikh borang diterima daripada pekerja yang tercedera



Penanggung Insurans

Diberi masa 14 hari selepas dokumen tuntutan dihantar untuk membuat keputusan tentang liabiliti dan memaklumkan secara bertulis kepada pekerja dan majikan sama ada liabiliti bagi tuntutan itu diterima, dipertikaikan ataupun tidak dapat diputuskan.



Liabiliti Diterima

Pembayaran kepada pekerja yang tercedera akan bermula, dan mungkin merangkumi bayaran mingguan, belanja perubatan yang berpatutan dan belanja lain yang berkaitan dengannya, pemulihan vokasional dan belanja perjalanan.

ATAU

Liabiliti Dipertikaikan

Pekerja yang tercedera boleh memohon kajian semula dalaman oleh penanggung insurans atau memohon bantuan CAS untuk menyelesaikan pertikaian itu.

ATAU

Keputusan Belum Dibuat

Penanggung insurans diberi masa 10 hari lagi untuk membuat keputusan berkenaan tuntutan tersebut. Jika keputusan belum lagi dibuat selepas jangka masa ini, pekerja atau majikannya boleh memohon bantuan CAS untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.

2.4 Bayaran mingguan

Jika tuntutan anda diterima dan doktor anda mengesahkan bahawa anda tidak dapat bekerja disebabkan kecederaan anda, anda berhak menerima bayaran daripada majikan anda sebagai pampasan bagi kehilangan pendapatan. Penanggung insurans majikan anda akan menghitung bayaran mingguan yang berhak anda terima dan memberitahu majikan anda amaun bayaran yang betul yang perlu dibuat.

Majikan anda mestilah mula membayar sebaik sahaja dimaklumkan oleh penanggung insurans dan membayar anda pada hari gaji anda yang biasa. Hukuman akan dikenakan terhadap majikan yang tidak membuat bayaran tepat pada masanya. Lihat *Kehilangan pendapatan* (muka surat 6-8) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai hak mendapat bayaran mingguan.

2.4.1 Bilakah bayaran mingguan akan ditamatkan?

Majikan anda dikehendaki terus mengeluarkan bayaran mingguan kepada anda sehinggalah dimaklumkan oleh penanggung insuransnya atau oleh WorkCover WA. Biasanya, bayaran akan ditamatkan jika dan apabila:

- anda telah mencapai had bayaran mingguan pampasan pekerja yang berhak anda terima (setakat Amaun Yang Ditentukan)
- anda memberikan persetujuan untuk menamatkan pembayaran
- anda kembali melakukan tugas yang anda lakukan sebelum anda tercedera tanpa batasan
- tuntutan pampasan pekerja anda dimuktamadkan melalui penyelesaian; atau
- anda mengambil pilihan untuk membuat tuntutan menurut *common law*.

Selain itu, majikan anda boleh memohon kepada WorkCover WA untuk menggantung atau menamatkan bayaran mingguan kepada anda jika anda:

- tidak mematuhi program kembali bekerja yang disediakan untuk anda
- tidak menjalani pemeriksaan perubatan yang diatur oleh majikan anda atau oleh penanggung insuransnya; atau
- dipenjarakan.

2.5 Belanja dan rawatan perubatan

Apabila anda berjumpa dengan doktor atau pakar rawatan lain untuk menjalani pemeriksaan atau rawatan, anda biasanya perlu membayar dahulu, walaupun ada beberapa pakar rawatan yang mungkin mengeluarkan invois untuk dijelaskan sendiri oleh penanggung insurans. Bergantung pada proses pengurusan tuntutan yang dipersetujui antara majikan anda dengan penanggung insuransnya, anda boleh berurusan terus dengan penanggung insurans tentang bayaran ganti ataupun bayaran akaun, atau majikan anda boleh melakukannya bagi pihak anda. Anda perlu mengesahkan aturan ini dengan majikan anda sebelum memulakan rawatan.

Jangan lupa bandingkan bayaran yang dikenakan oleh pakar rawatan dengan kadar yang ditetapkan oleh WorkCover WA kerana perbezaan harga ini tidak akan dibayar oleh majikan anda atau oleh penanggung insuransnya.

2.5.1 Pemeriksaan perubatan

Anda berhak berjumpa dengan doktor pilihan anda untuk mendapatkan rawatan dan menguruskan kecederaan anda. Walau bagaimanapun, majikan anda atau

penanggung insuransnya boleh merujuk anda kepada pengamal perubatan bebas untuk menjalankan pemeriksaan atau memberikan pendapat kedua. Janji temu anda akan diatur oleh penanggung insurans dan anda akan dimaklumkan masa dan tarikh janji temu tersebut. Jika anda tidak menghadiri janji temu ini tanpa alasan yang munasabah, bayaran yang sedang anda terima itu mungkin akan terjejas.

Anda tidak akan diminta menjalani pemeriksaan perubatan lebih daripada sekali dalam tempoh dua minggu atau pada bila-bila masa selain waktu yang munasabah.

2.5.2 Penilaian Pakar Perubatan Yang Diluluskan

Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin perlu berjumpa dengan Pakar Perubatan Yang Diluluskan untuk menjalani pemeriksaan dan penilaian selanjutnya. Penilaian oleh Pakar Perubatan Yang Diluluskan mungkin diperlukan jika anda dan majikan anda berselisih pendapat tentang tahap kecacatan yang disebabkan oleh kecederaan anda atau jika anda ingin:

- memohon bayaran perubatan dalam keadaan luar biasa (lihat muka surat 9)
- membuat tuntutan ganti rugi mengikut *common law* (lihat muka surat 17)
- mendapatkan program latihan semula yang khusus (lihat muka surat 20); atau
- memohon hak menerima bayaran pukal atas sebab kecacatan kekal yang disebut penyelesaian Jadual 2 (lihat muka surat 16).

Menyelesaikan Tuntutan Anda

Kesudahan bagi kebanyakan tuntutan pampasan pekerja ialah pekerja akan pulih sepenuhnya dan kembali bekerja. Walau bagaimanapun, anda mungkin berhak memohon agar tuntutan anda dijelaskan dengan bayaran pukal melalui sistem berkanun atau *common law*. Sebelum membuat pilihan cara penyelesaian, anda haruslah meminta nasihat undang-undang yang bebas atau menghubungi Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

2.6 Penyelesaian berkanun

Ada dua jenis penyelesaian yang disediakan melalui sistem pampasan pekerja berkanun:

Penyelesaian melalui penebusan

Jika anda sudah pun menerima bayaran mingguan selama sekurang-kurangnya enam bulan, anda mungkin layak menyelesaikan (menebus) tuntutan anda dengan menerima bayaran pukal setelah berunding dengan penanggung insurans majikan anda. Penting dimaklumkan bahawa dengan menerima penyelesaian penebusan, anda akan mengetepikan hak memohon pampasan lain, termasuklah tuntutan ganti rugi melalui sistem *common law* (lihat bahagian 2.7: *Tuntutan di bawah common law*, muka surat 17).

Penyelesaian Jadual 2

Jika kecederaan yang bersabit dengan kerja mengakibatkan kecacatan kekal, anda boleh memohon penyelesaian tuntutan anda pada bila-bila masa melalui

pembayaran amaun pukal yang ditetapkan. Amaun pampasan yang perlu dibayar didasarkan secara khususnya pada sifat dan keterukan kecederaan atau kecacatan pekerja, dan tidak boleh dirundingkan. Penilaian oleh Pakar Perubatan Yang Diluluskan (lihat muka surat 16) diperlukan untuk mengesahkan sifat dan keterukan kecacatan kekal anda. Menerima penyelesaian Jadual 2 tidak akan menjejaskan hak anda membuat tuntutan ganti rugi mengikut *common law*.

Penting

Dengan menerima penyelesaian, manfaat anda yang lain, seperti Centrelink, cukai atau insurans kesihatan swasta, mungkin terjejas. Oleh itu, anda perlu berbincang dengan pembekal manfaat anda sebelum membuat keputusan yang muktamad.

2.7 Tuntutan di bawah *common law*

Selain pilihan penyelesaian yang disediakan melalui sistem pampasan pekerja berkanun, anda boleh memohon tuntutan ganti rugi terhadap majikan anda melalui mahkamah. Berlainan dengan sistem pampasan pekerja yang tidak didasarkan pada kesalahan, anda mestilah dapat membuktikan bahawa kecederaan anda disebabkan oleh kelalaian atau kesalahan lain yang dilakukan oleh majikan anda. Kriteria perundangan yang berikut mestilah dipenuhi untuk membuat tuntutan di bawah *common law*:

- **Kecacatan** – anda mestilah dinilai mengalami kecacatan kekal seluruh badan sebanyak 15% atau lebih.
- **Jangka waktu** – anda mestilah mengemukakan Borang Memilih Untuk Menyimpan Hak Memohon Ganti Rugi (disediakan pada laman web WorkCover WA) sebelum hari penamat. Hari penamat secara umumnya ialah satu tahun dari tarikh tuntutan bayaran pampasan mingguan anda dibuat kepada majikan anda.

Hari penamat tidak berkenaan jika tuntutan anda berkait dengan penyakit perindustrian seperti penyakit yang bersabit dengan asbestos, kanser paru-paru atau bronkitis kronik.

Penting

Tuntutan di bawah *common law* adalah kompleks dan boleh menjejaskan hak anda mendapat pampasan pekerja berkanun. Anda sangat disarankan meminta nasihat undang-undang yang bebas sebelum membuat tuntutan di bawah *common law*.

Menyelesaikan Pertikaian

Jika ada pertikaian yang timbul yang tidak dapat diselesaikan dengan penanggung insurans majikan anda, maka anda atau majikan anda boleh memohon bantuan Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan WorkCover WA untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Perkhidmatan Pendamaian Dan Penimbangtaraan menyediakan sistem yang adil dan berbaloi dengan kosnya untuk menyelesaikan perselisihan pendapat mengenai isu pengurusan pampasan atau kecederaan pekerja. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, rujuk terbitan *Apakah yang akan berlaku jika terdapat pertikaian?* yang disediakan pada laman web WorkCover WA.

Langkah 3

Menguruskan Kecederaan Diri Dan Kembali Bekerja

Pengurusan Kecederaan

3.1 Peranan dan tanggungjawab

3.1.1 Majikan anda

Undang-undang mewajibkan semua majikan menyediakan sistem pengurusan kecederaan yang berdokumen supaya pekerja yang tercedera dapat pulih dengan cepat dan kembali bekerja dengan selamat. Penyelaras Pengurusan Kecederaan yang dilantik oleh majikan akan diberi tanggungjawab harian terhadap sistem pengurusan kecederaan tersebut dan biasanya akan menjadi orang hubungan pekerja semasa tempoh pemulihannya. Selain tanggungjawabnya di sisi undang-undang, majikan anda haruslah sentiasa berhubung dengan anda, doktor anda dan penanggung insuransnya, di samping membantu anda dengan tuntutan dan pengurusan kecederaan anda.

3.1.2 Doktor anda

Selepas kecederaan anda didiagnosis, doktor anda akan mencadangkan program rawatan dan mengawasi perubahan pada keadaan diri anda sepanjang tempoh rawatan, sambil menyesuaikan program rawatan anda jika perlu. Dari semasa ke semasa, doktor anda akan mengeluarkan Perakuan Kemajuan Kesihatan dan makluman bertulis yang lain supaya majikan anda dan penanggung insuransnya mendapat maklumat terkini mengenai keadaan diri anda, keperluan rawatan yang berterusan dan kemampuan anda kembali bekerja.

3.1.3 Diri anda

Kerjasama anda dengan doktor dan majikan anda, serta penglibatan diri anda secara giat dengan pengurusan kecederaan anda dapat memastikan anda pulih dan kembali bekerja dengan selamat.

Ikutilah program rawatan yang disarankan untuk anda

Sementara anda beransur sembuh daripada kecederaan, penting bahawa anda kerap berjumpa doktor dan mengikuti program rawatan yang disarankan bagi kecederaan anda. Anda juga mungkin dikehendaki menghadiri janji temu perubatan yang lain jika diperlukan ataupun jika diatur oleh majikan anda atau oleh penanggung insuransnya. Jika anda tidak dapat menghadiri sesuatu janji temu atas apa-apa sebab, pastikan bahawa anda memberikan notis yang secukupnya dan membuat aturan lain.

Kekalkan tahap kecergasan dan sikap yang positif

Ragam fikiran yang positif dapat memberikan kesan yang besar terhadap pemulihan diri anda. Eloklah anda:

- sentiasa berhubung dengan rakan-rakan sekerja
- bercakap dengan pengurus anda mengenai tugas-tugas lain yang sesuai jika doktor anda menentukan bahawa anda separa sihat sahaja untuk kembali bekerja

- mengekalkan tahap kecergasan dengan meneruskan kegiatan anda yang biasa dengan seberapa banyak yang boleh
- menerima bantuan daripada keluarga dan kawan-kawan dan
- bertumpu pada apa yang boleh anda lakukan dan bukannya pada apa yang tidak boleh anda lakukan.

Kembali Bekerja

Penyelidikan menunjukkan bahawa kembali bekerja dengan awal, walaupun hanya untuk melakukan tugas-tugas yang ringan sahaja, ialah langkah yang penting dalam pemulihan anda dan hasilnya terbaik bagi pekerja yang tercedera. Penting bahawa anda berusaha seiring dengan majikan anda, penanggung insuransnya dan pengamal perubatan yang merawat anda untuk menjayakan hasil ini. Doktor akan memberitahu anda dan majikan anda bila masanya anda bersedia kembali bekerja berserta pantang-larang yang mesti anda ikuti setelah mula bekerja.

3.2 Mengekalkan pekerjaan anda

Dalam sesetengah keadaan, keterukan atau sifat kecederaan anda mungkin menyebabkan anda tidak dapat bekerja selama berminggu-minggu, malah berbulan-bulan. Sepanjang tempoh ini, majikan anda berkewajipan memastikan bahawa jawatan anda itu masih terbuka untuk anda selama 12 bulan selepas anda tercedera.

Jika jawatan itu sudah diisi atau anda tidak lagi mampu memainkan peranan anda setelah anda kembali bekerja, majikan anda mestilah memberi anda jawatan yang setaraf dari segi pangkat dan gaji, dan yang layak serta mampu anda jalankan. Majikan anda akan berbincang dengan anda dan juga dengan doktor yang merawat anda untuk menentukan tugas-tugas baru yang sesuai.

Jika majikan anda ingin menamatkan perjawatan anda dalam tempoh 12 bulan ini, mereka mesti memberi anda dan WorkCover WA notis bertulis 28 hari sebelum tarikh yang dihasratkan itu. WorkCover WA boleh menjalankan penyiasatan selanjutnya untuk menentukan sama ada obligasi majikan anda di sisi undang-undang telah dilanggar berhubung dengan perjawatan anda.

Jika anda memulakan pekerjaan baru dalam tempoh ini, anda mesti memberikan notis bertulis kepada majikan anda dalam tempoh 7 hari selepas memulakan pekerjaan itu.

3.3 Kembali bekerja dengan tugas yang diubahsuaikan

Jika sifat kecederaan anda itu akan memerlukan penyesuaian, larangan atau perubahan yang kekal pada tugas anda, doktor anda mungkin menyatakan keperluan mengadakan program kembali bekerja yang berdokumen. Majikan anda dikehendaki berusaha seiring dengan anda dan doktor anda untuk mengatur program yang disetujui oleh setiap pihak.

Program kembali bekerja ini mestilah bertulis dan mengandungi:

- nama anda dan nama majikan anda
- keterangan mengenai matlamat program kembali bekerja ini
- tindakan yang perlu diambil untuk membolehkan anda kembali bekerja dan orang yang bertanggungjawab mengambil tindakan itu

- pernyataan bertandatangan bahawa anda menyetujui kandungan program itu.

3.3.1 Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan

Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan boleh membantu anda dan majikan anda jika anda sukar mengenal pasti tugas-tugas yang sesuai atau jika ada sesuatu yang menghalang anda kembali bekerja. Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan akan dipilih setelah mencapai persetujuan antara anda, majikan anda dan doktor anda. Kadangkala, penanggung insurans majikan anda akan bertindak bagi pihak majikan anda. Senarai Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan disediakan pada laman web WorkCover WA dan boleh dimohon dengan menelefon Unit Nasihat Dan Bantuan.

Penting

Jika anda tidak menyertai program kembali bekerja yang dipersetujui, majikan anda boleh memohon kepada CAS untuk mengeluarkan perintah agar bayaran mingguan anda dikurangkan ataupun dihentikan.

3.3.2 Program latihan semula yang khusus

Bagi pekerja yang tidak dapat kembali melakukan tugas yang dilakukannya sebelum mengalami kecederaan, program latihan semula yang khusus membenarkan mereka menjalani latihan vokasional atau pengajian tinggi secara formal. Latihan semula yang khusus boleh anda ikuti hanya jika anda dinilai sebagai mengalami kecacatan kekal seluruh badan antara 10% hingga 15%, dan jika anda tidak dapat kembali bekerja. Anda juga mestilah menepati kriteria latihan semula yang ketat. Panel Penilaian Latihan Semula Yang Khusus akan menentukan kelayakan anda menjalani latihan semula yang khusus.

Hak menerima latihan semula yang khusus tidak boleh ditebus sebagai sebahagian daripada mana-mana persetujuan penyelesaian. Jika tuntutan anda diselesaikan, program latihan semula akan dihentikan. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai program latihan semula yang khusus, hubungi Unit Nasihat Dan Bantuan WorkCover WA atau layari laman web WorkCover WA.

Ringkasan Peranan Dan Tanggungjawab

Gambaran Ringkas

Pekerja Yang Tercedera

Membuat tuntutan:

- melaporkan kecederaan anda kepada majikan anda dengan segera
- berjumpa dengan doktor pilihan anda secepat mungkin untuk mendapatkan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor
- menanya penyedia khidmat kesihatan anda mengenai caj dan perbezaan yang ada pada bayaran, kerana bukan semua penyedia akan mengenakan bayaran menurut amaun pampasan pekerja yang dijadualkan

- mengisi Borang Tuntutan Pampasan Pekerja
- mengemukakan Borang Tuntutan dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada majikan anda; dan
- menjalani pemeriksaan perubatan, jika diminta oleh majikan anda, supaya hak anda mendapat pampasan tidak digantung

Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- menyertai program kembali bekerja yang telah anda setujui
- menjalankan tindakan yang telah dipersetujui seperti yang digariskan di dalam program dengan sedaya upaya anda
- memberitahu majikan anda dan/atau Penyelaras Pengurusan Kecederaan dengan segera jika anda mengalami kesulitan melakukan mana-mana aktiviti di dalam program anda
- terus menghadiri janji temu dengan doktor dan menjalani rawatan jika perlu
- memilih Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan jika perlu; dan
- memberikan notis bertulis kepada majikan anda dalam masa 7 hari selepas memulakan pekerjaan dengan majikan lain

Majikan

Selepas tuntutan dibuat:

- menyerahkan Borang Tuntutan yang telah diisi dan Surat Akuan Pertama Oleh Doktor kepada penanggung insuransnya dalam tempoh lima hari kerja selepas menerima dokumen-dokumen ini daripada anda
- memberi anda butir-butir perhubungan penanggung insuransnya jika anda ingin terus menghubungi penanggung insurans itu
- berbincang dengan anda mengenai pembayaran cuti sakit, cuti rehat atau cuti perkhidmatan panjang sebagai menggantikan gaji mingguan anda sementara tuntutan anda dinilai dan anda tidak dapat bekerja; dan
- memulakan pembayaran mingguan kepada anda sebaik sahaja diberitahu oleh penanggung insurans

Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- menyediakan sistem pengurusan kecederaan
- berusaha seiring dengan anda dan doktor anda untuk menghasilkan program kembali bekerja yang sesuai
- merujuk anda kepada Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan jika ada masalah pada proses kembali bekerja itu
- seboleh-bolehnya tidak mengisi jawatan anda selama 12 bulan selepas berlakunya kecederaan

- memberi anda jawatan yang setaraf dari segi pangkat dan gaji jika anda tidak dapat melakukan tugas yang anda lakukan sebelum mengalami kecederaan; dan
- memberi anda dan WorkCover WA notis 28 hari secara bertulis jika majikan anda berhasrat untuk menamatkan perjawatan anda

Pengamal Perubatan

Selepas tuntutan dibuat:

- menilai kecederaan anda dan memberikan diagnosis pertama
- memberi anda Surat Akuan Pertama Oleh Doktor yang lengkap
- memberikan nasihat tentang larangan kerja yang mungkin perlu anda ikuti; dan
- memberikan surat akuan doktor atau makluman bertulis yang lain secara berterusan untuk memberitahu majikan anda mengenai kemampuan anda bekerja dan mengenai keperluan rawatan yang berterusan

Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- memeriksa kemajuan anda secara tetap dan memberikan Surat Akuan Kemajuan Oleh Doktor selepas setiap pemeriksaan jika anda belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan
- memberikan makluman bertulis yang menyatakan keperluan mengadakan program kembali bekerja jika perlu
- berusaha seiring dengan anda dan majikan anda untuk mengatur tugas alternatif yang sesuai dan selamat dan yang setaraf dari segi pangkat dan gaji; dan
- memberikan Surat Akuan Terakhir Oleh Doktor setelah anda pulih sepenuhnya

Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja

Pengurusan Kecederaan Dan Kembali Bekerja:

- melakukan penilaian pertama; dan
- membincangkan hasil penilaian pertama itu dengan anda dan majikan anda, dan menyusun rancangan penyampaian perkhidmatan jika perlu

Penanggung insurans

Selepas tuntutan dibuat:

- melakukan penilaian bermaklumat dan membuat keputusan sama ada untuk menerima ataupun untuk mempertikaikan tuntutan anda
- memberitahu anda dan majikan anda tentang keputusannya dalam masa 14 hari selepas tarikh majikan anda menyerahkan dokumentasi tuntutan

- menyampaikan perkembangan terkini kepada anda dan majikan anda tentang hal-hal yang berkait dengan kemajuan tuntutan anda; dan
- memberi anda nasihat dan panduan untuk memastikan tuntutan anda digantikan bayarannya dengan segera

Pengurusan kecederaan dan kembali bekerja:

- berusaha seiring dengan anda dan majikan anda untuk mencapai hasil kembali bekerja yang positif; dan
- melantik Pakar Pemulihan Di Tempat Kerja Yang Diluluskan yang paling sesuai setelah berunding dengan anda dan majikan anda